



‘CEPAT DAN MESRA’

Ruj. Tuan :
(Your Ref)
Ruj. Kami : JBPM/IP/BKK:700-1/1/1 (27)
(Our Ref)
Tarikh : 30 November 2012
(Date)

‘Seperti Senarai Edaran’

YS Dato’/Tuan,

PANDUAN PENGUNGSIAN BANGUNAN PERINGKAT IBU PEJABAT JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA (JBPM), IBU PEJABAT JBPM NEGERI DAN PEJABAT ZON NEGERI

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Memaklumkan berdasarkan kepada Arahan Perkhidmatan Bab 8 dan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 2007, Bahagian i (Pencegahan Kebakaran), latihan pengungsian bangunan hendaklah diadakan sekurang-kurangnya satu (1) kali setahun.

3. Sehubungan itu, dilampirkan panduan pengungsian bangunan peringkat Ibu Pejabat Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Ibu Pejabat JBPM Negeri, Pejabat Zon Negeri dan Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia untuk tindakan YS Dato’/Tuan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“1 Malaysia” Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan.

Saya yang menurut perintah,

(DATO' RUSMANI BIN MUHAMAD)

Penolong Ketua Pengarah,
Bahagian Keselamatan Kebakaran,
Jabatan Bomba dan Penyelamat, Malaysia.

s.k

- i. YAS Ketua Pengarah
- ii. YAS Timbalan Ketua Pengarah (O)
- iii. YAS Timbalan Ketua Pengarah (P)



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2008
CERT. NO. - AP 5037

SENARAI EDARAN

YS PKP Bahagian Operasi dan Penyelamatan

YS PKP Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan

YS PKP Bahagian Penyiasatan Kebakaran

YS PKP Bahagian Latihan

YS PKP Bahagian Pembangunan

YS PKP Korporat

YS Pengarah

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia W.P. Kuala Lumpur

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Selangor

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Johor

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Pulau Pinang

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Perlis

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Kedah

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Perak

Jabatan Bomba dan Penyelamat W. Persekutuan Putrajaya

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Sembilan

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Melaka

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Pahang

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Kelantan

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Terengganu

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Sarawak

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Sabah

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia W.P. Labuan

Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia Kuala Kubu Bharu

Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia Wakaf Tapai



JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA
PANDUAN PENGUNSIAN BANGUNAN

**PANDUAN PENGUNSIAN BANGUNAN BAGI IBU PEJABAT, IBU
PEJABAT NEGERI, AKADEMI BOMBA DAN PENYELAMAT Malaysia**

1.0 PENDAHULUAN

Latihan pengungsian bangunan merupakan satu aspek yang penting dan perlu diberi perhatian bagi menentukan penghuni bangunan keluar dan bangunan dalam keadaan sistematik, selamat dan cepat. Oleh yang demikian, dengan adanya kaedah dan prosedur yang lengkap maka kejadian- kejadian yang tidak diingini dapat diminimakan.

Pengungsian bangunan adalah bermaksud mengosongkan bangunan yang hanya melibatkan manusia sahaja iaitu keluar dan bangunan tersebut dan menuju ke tempat yang selamat semasa kecemasan atau kebakaran dengan menggunakan kemudahan keselamatan yang ada dalam bangunan tersebut seperti laluan kecemasan, pintu kecemasan, tangga keselamatan dan lain-lain lagi.

Pengungsian bangunan terbahagi kepada 2 kategori iaitu:

- i. ***Pengungsian Penuh*** - Pengungsian jenis ini akan melibatkan semua penghuni yang berada di dalam bangunan tersebut. Tidak seorang pun yang akan terkecuali.
- ii. ***Pengungsian Separuh*** — Pengungsian jenis ini hanya akan melibatkan bahagian- bahagian tertentu sahaja yang telah dipilih dan tidak meliputi semua bahagian.

2.0 DEFINISI/TAFSIRAN

Untuk tujuan garispanduan ini, definisi dan terma-terma yang digunakan adalah berkait di antara satu sama lain.

2.1 Bangunan Pejabat

Tempat samada digunakan oleh orang perseorangan atau orang awam atau kumpulan untuk/atau bagi aktiviti yang berkaitan dengan urusan organisasi dan perkhidmatan kepada pelanggan.

2.2 Pengungsian

Tindakan bersifat sementara dan dalam keadaan serta merta keluar dan bangunan atau kawasan bencana/berbahaya bagi tujuan menyelamatkan diri.

2.3 Kecemasan

Insiden atau keadaan yang tidak dijangka yang disebabkan oleh kebakaran, letupan, runtuh bangunan, tumpahan bahan kimia, tumpahan minyak, ancaman bom dan bencana alam yang memerlukan tindakan serta-merta.

2.4 Pra-rancang Kecemasan

Tindakan pelan kecemasan yang menjurus kepada penggunaan “*Standard Operation Procedure*” (SOP) yang lebih spesifik kepada sesuatu kecemasan atau bencana.

3.0 SKOP

Panduan pengungsian bangunan ini difokuskan kepada:

- 3.1 Ibu Pejabat
- 3.2 Ibu Pejabat Negeri
- 3.3 Pejabat Zon
- 3.4 Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia

4.0 TUJUAN

- 4.1 Untuk memastikan pelepasan din secara sistematik, cepat dan teratur dan seterusnya mengurangkan risiko berlakunya kecederaan dan kematian disebabkan kegagalan melepaskan diri.
- 4.2 Penghuni bangunan dapat menggunakan jalan keluar dan tangga keselamatan mengikut kaedah yang terancang,
- 4.3 Pengunjung dan orang di sekeliling bangunan memahami tindakan yang perlu dibuat semasa kecemasan.
- 4.4 Individu yang terlibat didalam Jawatankuasa Pengungsian Bangunan memahami tugas dan tanggungjawab di dalam keadaan kecemasan.
- 4.5 Untuk memastikan pemasangan keselamatan kebakaran di bangunan tersebut berada didalam keadaan baik dan sedia untuk digunakan.

5.0 PERSEDIAAN AWAL (SEBELUM)

- 5.1 **Membentuk Organisasi Pengungsian Bangunan di organisasi dan menetapkan fungsi individu yang telah dilantik.**

5.1.1 Menubuhkan satu jawatan kuasa pengelola/organisasi iaitu meliputi setiap tingkat, bahagian, unit dan sebagainya serta penglibatan pegawai-pegawai kanan Jabatan. Melantik Jawatankuasa seperti berikut: :

- a) Jawatankuasa bertindak dan setiap aras/ tingkat/ bahagian/blok
- b) Ketua insiden
- c) Penolong Ketua Insiden
- d) Pegawai-Pegawai insiden
- e) Fire Warden

5.1.2 Ketua organisasi mestilah mengetuai organisasi tersebut.

5.1.3 Menyenaraikan fungsi jawatankuasa dengan jelas.

5.1.4 Menentukan tugas 'routine' pegawai yang ditetapkan.

5.1.5 Menyediakan pelan lantai dan rancangan bertindak.

5.1.6 Menetapkan tempat berkumpul yang selamat.

5.1.7 Menentukan jalan / laluan keluar, pintu keluar dan tangga keselamatan tidak dihalang.

5.1.8 Sentiasa mengemaskinikan rekod organisasi.

5.1.9 Menyelaraskan arahan—arahan yang akan digunakan

5.1.10 Membuat audit bahaya kebakaran di bangunan.

5.2 Menjadualkan dan melaksanakan latihan yang telah dirancang

5.2.1 Menetapkan tarikh setiap tahun perlaksanaan aktiviti secara berkala.

5.2.2 Mengadakan perbincangan untuk pelaksanaan latihan.

5.2.3 Penglibatan semua pihak dan lapisan pangkat.

5.2.4 Menyediakan susun atur bangunan dan kawasan laluan selamat untuk pengungsian bangunan.

6.0 PENGUNSIAN BANGUNAN (SEMASA)

Jika berlaku kecemasan/kebakaran, langkah-langkah berikut perlu dipatuhi:

- 6.1 Sekiranya berlaku kebakaran atau ternampak asap, pecahkan alat pecah kaca yang terdekat dan memberitahu penghuni sekeliling berlakunya kebakaran.
- 6.2 Nilai tahap kemerbahayaan, jika kebakaran itu kecil, cuba padamkan dengan alat pemadam api atau alat bantu mula dan jangan bahayakan diri anda sekiranya risiko semakin tinggi.
- 6.3 Keluar dan tutup semua suis lampu dan tinggalkan peralatan dan barang-barang yang boleh menghalang kelancaran pergerakan.
- 6.4 Keluar melalui jalan terdekat.
- 6.5 Elakkan naik ke bumbung bangunan untuk menyelamatkan diri.
- 6.6 Keluar menggunakan tangga keselamatan.
- 6.7 Elakkan membuat bising.
- 6.8 Elakkan tolak menolak.
- 6.9 Elakkan berpatah balik.
- 6.10 Berkumpul di tempat yang ditetapkan.

6.11 Berbaris di dalam unit/pasukan.

6.12 Lapor kepada ketua aras

7.0 TINDAKAN PASUKAN KESELAMATAN KEBAKARAN.

7.1 Menentukan kawasan dan lokasi kecemasan/ kebakaran

7.2 Menilai dan bertindak memadamkan kebakaran jika tidak membahayakan.

7.3 Melaporkan jika ada mangsa yang terperangkap.

7.4 Membantu penghuni untuk keluar ke kawasan yang selamat.

7.5 Memastikan semua penghuni keluar dan bangunan dengan mengambilkira jumlah kehadiran penghuni pada hari itu. Membuat panggilan nama "*Roll Call*" ditempat perhimpunan.

7.6 Membantu dan menentukan tempat bekalan air (Pili Bomba /Punca air).

7.7 Memberi maklumat jika terdapat bahan berbahaya yang di simpan.

8.0 ISYARAT LOCENG KECEMASAN

8.1 Bunyi loceng 'putus-putus' - anda hendaklah bertenang dan bersedia untuk mengosongkan bangunan.

8.2 Bunyi loceng kecemasan 'terus menerus' atau mendengar arahan dan pembesar suara - anda mesti mengosongkan bangunan dengan segera.

9.0 SELEPAS PENGUNGSIAN BANGUNAN

- 9.1 Membuat penilaian semula/ *post mortem* dan menyediakan laporan.
- 9.2 Penilaian semula mestilah melibatkan semua penghuni dan pasukan keselamatan kebakaran.
- 9.3 Laporan tersebut perlulah dibuat edaran kepada semua penghuni
- 9.4 Merancang penambahbaikan dan menetapkan sasaran.
- 9.5 Jika objektif pengungsian tidak tercapai, latihan semula perlu dibuat berdasarkan kepada kelemahan yang wujud.

10. PENUTUP

Garis panduan Pengungsian Bangunan ini adalah asas kepada semua jenis tatacara pengungsian bangunan. Tatacara yang lebih khusus adalah mengikut kriteria kecemasan yang dihadapi seperti peperangan, keruntuhan, gempa, kebakaran dan lain-lain. Ketinggian bangunan juga boleh membezakan bentuk tatacara yang lebih tepat.

Berdasarkan kepada Arahan Perkhidmatan Bab 8 dan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 2007, Bahagian I (Pencegahan Kebakaran), latihan pengungsian bangunan hendaklah dipraktikkan sekurang-kurangnya satu (1) **kali setahun**. Jika risiko kebakaran di bangunan tersebut tinggi, maka kekerapan latihan tersebut perlulah ditingkatkan.